



PEJABAT TANAH DAN GALIAN NEGERI PULAU PINANG
PARAS 3, 21 DAN 22
KOMPLEKS TUN ABDUL RAZAK (KOMTAR)
10000 PULAU PINANG



Tel: 04 - 650 5211 (Pejabat Am)
Faks: 04 - 2619588
Laman Web: <http://ptg.penang.gov.my>

Ruj. Kami : PTGPP/H/2173 Jld.36(91)
Tarikh : 3 September 2020

SEPERTI SENARAI EDARAN

Tuan / Puan,

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN BIL. 08/2020

CARA PENGIRAAN CUKAI TANAH MELIBATKAN URUSAN TANAH DI NEGERI PULAU PINANG

Arahan ini bertujuan untuk memberikan garis panduan kepada Pentadbir-Pentadbir Tanah mengenai cara pengiraan cukai tanah melibatkan urusan pecah-bahagian, penyerahan sebahagian dan pengambilan sebahagian tanah di Negeri Pulau Pinang di bawah Seksyen 96 Kanun Tanah Negara 1965.

2. Pengiraan jumlah cukai tanah di Negeri Pulau Pinang dikira dengan mendarabkan keluasan sebenar tanah berkenaan dengan kadar mengikut kegunaan dan tertakluk kepada nilai minimum seperti di Kaedah 14 (1), *Rates of Rent*, Kaedah-Kaedah Tanah Pulau Pinang 2005. Jumlah cukai tersebut akan dibundarkan kepada ringgit terhampir sekiranya jumlah yang dikira mempunyai nilai sen. Dilampirkan contoh pengiraan cukai tanah tahunan bersama arahan ini untuk perhatian tuan/puan.
3. Bagi tanah-tanah yang telah didaftarkan sebelum ini dan cukainya dikira berdasarkan kaedah yang berbeza seperti yang dimaklumkan dalam Arahan ini, eksekusi pemutihan akan diselaraskan semasa semakan cukai yang akan datang di bawah Seksyen 101 Kanun Tanah Negara 1965.

SILA SEBUTKAN NO. RUJUKAN PEJABAT INI APABILA MENJAWAB

**CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS
KE ARAH KECEMERLANGAN PENGURUSAN TANAH**

4. Selain itu, proses pengiraan cukai tanah dan cukai bagi petak atau blok sementara dimandatori dilaksanakan oleh Penolong Pegawai Tanah dan disemak oleh Penolong Pegawai Tanah Kanan bagi semua urusan tanah di negeri ini.

5. Arahan ini berkuatkuasa dengan serta merta. Segala arahan, surat pekeliling dan surat pentadbiran yang telah dikeluarkan oleh Pengarah Tanah dan Galian sebelum arahan ini berkuatkuasa berhubung pengiraan cukai tanah selepas urusan pecah-bahagian, penyerahan sebahagian dan pengambilan sebahagian tanah adalah dibatalkan.

Kerjasama dan perhatian daripada pihak tuan/puan berhubung perkara di atas amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian,

**“CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,


(HAJI ZULKIFLI BIN LONG)
Pengarah Tanah dan Galian
Negeri Pulau Pinang.
Tel: 04-650 5200
E-mel: zulkifli.long@penang.gov.my

SENARAI EDARAN

Pegawai Daerah
Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Utara
13200 Kepala Batas
Pulau Pinang

Pegawai Daerah
Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah
Jalan Betek, Sungai Rambai
14000 Bukit Mertajam
Pulau Pinang

Pegawai Daerah
Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan
14200 Sungai Jawi
Pulau Pinang

Pegawai Daerah
Pejabat Daerah dan Tanah Timur Laut
Tingkat 51, Bangunan Komtar
10000 Pulau Pinang

Pegawai Daerah
Pejabat Daerah dan Tanah Barat Daya
11000 Balik Pulau
Pulau Pinang

SENARAI EDARAN DALAMAN

1. Timbalan Pengarah (Pendaftaran dan Hasil)
2. Ketua Unit Pendaftaran Hakmilik
3. Ketua Unit Hakmilik Strata
4. Ketua Unit Perancangan dan Pembangunan
5. Ketua Unit Khidmat Pengurusan
6. Ketua Unit Hasil
7. Ketua Unit Penguatkuasaan dan Teknikal
8. Ketua Unit Teknologi Maklumat
9. Ketua Unit Perundangan

KAEDAH PENGIRAAN CUKAI TANAH BAGI KELULUSAN PECAH BAHAGIAN TANAH

Contoh 1

Kawasan: Batu Kawan, Seberang Perai Selatan

Kegunaan: Kediaman

Keluasan asal: 4,350.00 meter persegi

**Jumlah cukai asal: RM0.22 X 4,350 mp
= RM957.00**

Pengiraan Cukai Tanah baru:

BIL	LOT BARU	LUAS (MP)	CUKAI TANAH BARU (RM)	PEMILIK BERDAFTAR HAKMILIK
1.	100	1005	RM0.22 x 1005mp = RM222.00 <i>(digenapkan kepada ringgit terhampir yang lebih besar)</i>	A
2.	101	669	RM0.22 x 669mp = RM148.00 <i>(digenapkan kepada ringgit terhampir yang lebih besar)</i>	B
3.	102	669	RM0.22 x 669mp = RM148.00 <i>(digenapkan kepada ringgit terhampir yang lebih besar)</i>	C
4.	103	669	RM0.22 x 669mp = RM148.00 <i>(digenapkan kepada ringgit terhampir yang lebih besar)</i>	D
5.	104	1338	RM0.22 x 1338mp = RM295.00 <i>(digenapkan kepada ringgit terhampir yang lebih besar)</i>	E

Contoh 2

Kegunaan: Kelapa Sawit

Keluasan asal: 4.83 hektar

Jumlah cukai asal: RM49.42 X 4.83 hektar

=RM238.70

=RM239.00 (digenapkan kepada ringgit terhampir yang lebih besar)

Pengiraan Cukai Tanah baru:

BIL	LOT BARU	LUAS (HEKTAR)	CUKAI TANAH BARU (RM)	PEMILIK BERDAFTAR HAKMILIK
1.	119	2.415	RM49.42 X 2.415 hektar = RM119.35 = RM120.00 <i>(digenapkan kepada ringgit terhampir yang lebih besar)</i>	A
2.	120	2.415	RM49.42 X 2.415 hektar = RM119.35 = RM120.00 <i>(digenapkan kepada ringgit terhampir yang lebih besar)</i>	B



HAJI ZULKIFLI BIN LONG
Pengarah Tanah Dan Galian
Pulau Pinang

KAEDAH PENGIRAAN CUKAI TANAH BAGI KELULUSAN PENYERAHAN SEBAHAGIAN TANAH (Seksyen 200 Kanun Tanah Negara)

Contoh 1

Kawasan : Georgetown, DTL
Kegunaan : Kediaman
Keluasan : 100 Meter Persegi
Kadar : RM0.54 semeter persegi
Kadar dikenakan : Keluasan x Kadar
: 100 meter persegi x RM0 .54 semeter persegi
: RM54.00 setahun.

Luas penyerahan sebahagian tanah :45.50 meter persegi
Baki tanah selepas penyerahan sebahagian :54.50 meter persegi

Cukai tanah :Luas 54.50 mp x RM0.54smp
:RM29.43 setahun
:**RM50.00** (*dikenakan kadar minima*)


HAJI ZULKIFLI BIN LONG
Pengarah Tanah Dan Galian
Pulau Pinang

Contoh 2

Kegunaan : Buah-Buahan
Keluasan : 100 hektar
Kadar : RM39.54 per hektar
Kadar dikenakan : Keluasan x Kadar
: 100 hektar x RM39.54
: RM3,954.00 setahun.

Luas penyerahan sebahagian tanah :45.50 hektar
Baki tanah selepas penyerahan sebahagian :54.50 hektar

Cukai tanah :Luas 54.50 hektar x RM39.54
:RM2,154.93 setahun
:**RM2,155.00** (*digenapkan kepada ringgit terhampir yang lebih besar*)


HAJI ZULKIFLI BIN LONG
Pengarah Tanah Dan Galian
Pulau Pinang

KAEDAH PENGIRAAN CUKAI TANAH BAGI KELULUSAN
PENGAMBILAN SEBAHAGIAN TANAH (Akta Pengambilan Tanah 1960)

Contoh 1

Kawasan : Georgetown, DTL
Kegunaan : Kediaman
Keluasan : 100 Meter Persegi
Kadar : RM0.54 semeter persegi
Kadar dikenakan : Keluasan x Kadar
: 100 meter persegi x RM0 .54 semeter persegi
: RM54.00 setahun.

Luas pengambilan sebahagian tanah :45.50 meter persegi
Baki tanah selepas pengambilan sebahagian :54.50 meter persegi

Cukai tanah :54.50 mp x RM0.54 smp
:RM29.43 setahun
:**RM50.00** (*dikenakan kadar minima*)


HAJI ZULKIFLI BIN LONG
Pengarah Tanah Dan Galian
Pulau Pinang

Contoh 2

Kegunaan : Padi
Keluasan : 28.012 hektar
Kadar : RM9.88 per hektar
Kadar dikenakan : Keluasan x Kadar
: 28.012 hektar x RM9.88 per hektar
: RM276.76 setahun
: RM277.00 (*digenapkan kepada ringgit terhampir yang lebih besar*)

Luas pengambilan sebahagian tanah : 2.02 hektar
Baki tanah selepas pengambilan sebahagian : 25.992 hektar

Cukai tanah : 25.992 hektar x RM9.88 per hektar
: RM256.80 setahun
: **RM257.00** (*digenapkan kepada ringgit terhampir yang lebih besar*)


HAJI ZULKIFLI BIN LONG
Pengarah Tanah Dan Galian
Pulau Pinang